

Staf UMSKAL ikuti kursus tingkatkan motivasi, produktiviti

UM10.7.2013 26

LABUAN 9 Julai - Pengajuran kursus Kecemerlangan Diri Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) kepada kakitangannya mampu membantu meningkatkan motivasi dan produktiviti kerja mereka.

Timbalan Pendaftar UMSKAL, Zamri Mohamad Tuah berkata, program itu juga bertujuan mendorong peserta membina komitmen dan kerjasama berpasukan yang mantap di samping menarapkan sikap positif individu dalam melaksanakan atau menyelesaikan sesuatu kerja.

"Kursus ini menyasarkan peserta diberi pendedahan interaksi sekali gus membina komunikasi berkesan dalam melaksanakan tugas sehari-hari di tempat kerja. Kursus ini juga diharap dapat membina sikap kepimpinan yang efektif dalam kalangan peserta," katanya.

Kursus anjuran Pejabat Bahagian Pentadbiran UMSKAL yang diadakan pada 21 hingga 23 Jun lalu di Kiulu, Tamparuli itu melibatkan 37 kakitangan dan urus setia universiti daripada semua peringkat perjawatan.

Kursus yang dirangka khas un-



SEBAHAGIAN kakitangan UMSKAL menjalankan aktiviti berakit dalam kursus Kecemerlangan Diri Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan di Kiulu, Tamparuli, baru-baru ini.

tuk kakitangan UMSKAL itu turut dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti yang dikendalikan oleh Konsultan Borneo Ultimate Sport Adventure seperti berenang, berlari dalam hutan, berakit dan permainan lasak kampung.

Rata-rata peserta yang mengikuti kursus tersebut gembira dan

melahirkan rasa kepuasan serta berharap agar aktiviti sedemikian lebih kerap dilaksanakan pada peringkat UMSKAL selepas ini.

Menurut Zamri, kursus selama tiga hari itu bukan sahaja bertujuan meningkatkan motivasi diri, malah ia turut membantu menyemai budaya daya saing peserta

bagi mencapai tahap kualiti kerja cemerlang.

Katanya, semua peserta yang menyertai kursus itu diharap akan mempraktikkan semua modul yang dipelajari sepanjang kursus tersebut di tempat kerja bagi meningkatkan prestasi kerjaya dan masa depan universiti.